KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 7 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **LPPKN KAJI PUNCA GANGGUAN MENTAL DALAM KALANGAN MAHASISWA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=BWJgWDayblA | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PERAK LAKSANA KURSUS TVET PENJAGAAN WARGA EMAS MELALUI PROGRAM SANTUNAN KASIH** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perak-laksana-kursus-tvet-penjagaan-warga-emas-melalui-program-santunan-kasih-440550 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **MTPN CADANG KERAJAAN WUJUDKAN KEDAI JUALAN RAHMAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282788/berita/nasional/mtpn-cadang-kerajaan-wujudkan-kedai-jualan-rahmah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **'RELA JADI GELANDANGAN KERANA PELUANG MAKAN HINGGA 12 KALI SEHARI'** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161380/rela-jadi-gelandangan-kerana-peluang-makan-hingga-12-kali-sehari | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017005/gelandangan-perantau-makan-percuma-12-kali-sehari | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-warga-emas-rela-jadi-gelandangan/ | BULETINTV3.MY |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **JKM KESAN WARIS BAYI ADA KESAN SUNTIKAN BCG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016969/jkm-kesan-waris-bayi-ada-kesan-suntikan-bcg | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **LIMA TAHUN MANDI AIR HUJAN, AIR BORING** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/06/lima-tahun-mandi-air-hujan-air-boring/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **NANTA, LIDAM HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN RH SEBOM BANTAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/06/nanta-lidam-hulur-bantuan-kepada-mangsa-kebakaran-rh-sebom-bantan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **YAYASAN SULTANAH ROGAYAH RINGANKAN BEBAN KAUM INDIA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/yayasan-sultanah-rogayah-ringankan-beban-kaum-india/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/yayasan-sultanah-rogayah-sumbang-rm79645-ringankan-beban-masyarakat-india-440514 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017103/ysr-salur-sumbangan-buat-masyarakat-india | HMETRO.COM.MY |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 9 | **SARAWAK DESTINASI KEDUA PROGRAM YAKEB TURUN PADANG 3.0** | |
| | https://www.buletintv3.my/sukan/sarawak-destinasi-kedua-program-yakeb-turun-padang-3-0/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 10 | **KATA WANITA KE FINAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/10/1161538/kata-wanita-ke-final | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/kata-berpasukan-wanita-hadiahkan-pingat-perak/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-sukan/sukan-asia-malaysia-rangkul-perak-kata-berpasukan-wanita-440625 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 11 | **PAKAI NIQAB, MENYAMAR WANITA MUSLIM KETIKA MENGEMIS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/06/pakai-niqab-menyamar-wanita-muslim-ketika-mengemis/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 12 | **CABARAN WANITA BERTUBUH KECIL BESARKAN ANAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282850/video/berita-semasa-video/cabaran-wanita-bertubuh-kecil-besarkan-anak | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=EZDOZsfplZo | YOUTUBE |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA CARI IBU KANDUNG KANAK-KANAK AUTISME** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282773/edisi/utara/wanita-cari-ibu-kandung-kanak-kanak-autisme | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **DUA TERMASUK KANAK-KANAK MAUT KEMALANGAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161584/dua-termasuk-kanak-kanak-maut-kemalangan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-antara-dua-maut-nahas-4-kenderaan/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PENINGKATAN KES KEMALANGAN MELIBATKAN KANAK-KANAK MERISAUKAN \| #VIVOV295G** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=w_R3HVkHXC8 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KANAK-KANAK LELAKI DUA TAHUN DITEMUKAN SELAMAT DI KEBUN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/06/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-ditemukan-selamat-di-kebun | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **TIKAM KANAK-KANAK USIA TIGA TAHUN, MAHKAMAH KEKALKAN PAKCIK DIPENJARA 20 TAHUN** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/681766 | MALAYSIAKINI.COM |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **TERTINGGAL 10 JAM DALAM KERETA, BAYI DOKTOR MAUT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1017011/tertinggal-10-jam-dalam-kereta-bayi-doktor-maut | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lapan-bulan-maut-tertinggal-10-jam-dalam-kereta-440510 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/10/anak-doktor-meninggal-dunia-selepas-tujuh-jam-tertinggal-dalam-kereta/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282776/berita/semasa/bayi-lapan-bulan-maut-tertinggal-10-jam-dalam-kereta | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161403/bayi-doktor-maut-tertinggal-10-jam-dalam-kereta-di-parkir-hospital | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/06/bayi-8-bulan-maut-tertinggal-dalam-kereta-lebih-7-jam/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/tertinggal-lebih-7-jam-dalam-kereta-bayi-lapan-bulan-maut/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/681730 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/06/bayi-8-bulan-maut-seharian-tertinggal-di-dalam-kereta/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/06/bayi-maut-ditinggalkan-dalam-kereta-7-jam-ibu-sangka-telah-hantar-ke-taska/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/70519-bayi-lapan-bulan-maut-tertinggal-10-jam-di-dalam-kereta | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=HYIqhn420WQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **MENGASARI WARGA EMAS: TIGA LELAKI DITAHAN POLIS** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/mengasari-warga-emas-tiga-lelaki-ditahan-polis/ | UTUSAN.COM.MY |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **DUA LELAKI WARGA EMAS MAUT, 4X4 DINAIKI REMPUH TRELER DI LEBUHRAYA PLUS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-lelaki-warga-emas-maut-4x4-dinaiki-rempuh-treler-di-lebuhraya-plus-440498 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1016982/dua-warga-emas-maut-pajero-langgar-belakang-treler | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/06/dua-lelaki-warga-emas-maut-kenderaan-rempuh-belakang-lori/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282752/berita/semasa/dua-warga-emas-maut-pacuan-empat-roda-langgar-belakang-lori | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/06/2-warga-emas-maut-pajero-langgar-belakang-treler-di-lebuh-raya/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70540-dua-warga-emas-maut-pacuan-empat-roda-langgar-belakang-lori | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=WtQ1py47sVQ | YOUTUBE |
| | https://tvstv.my/2023/10/06/warga-emas-maut-motosikal-bertembung-pacuan-empat-roda/ | TVSTV.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-motosikal-bertembung-pacuan-empat-roda/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **BURUH WARGA MYANMAR DIDAKWA BUNUH PENJUAL BUAH WARGA EMAS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buruh-warga-myanmar-didakwa-bunuh-penjual-buah-warga-emas-440559 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/buruh-warga-myanmar-didakwa-bunuh-penjual-buah-warga-emas-DN11587325 | THESUNDAILY.MY |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **JURULATIH DODGEBALL MENGAKU TIDAK SALAH GANGGU KESANTUNAN MURID** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017048/jurulatih-dodgeball-mengaku-tidak-salah-ganggu-kesantunan-murid | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jurulatih-dodgeball-didakwa-jentik-kemaluan-dua-murid-440539 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/06/jurulatih-dodgeball-mengaku-tidak-bersalah-jentik-kemaluan-dua-murid/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=_w8cvJnOqwU | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **VIDEO 'DERHAKA IBU': TIGA BERADIK DITAHAN DISYAKI CEDERAKAN IBU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-derhaka-ibu-tiga-beradik-ditahan-disyaki-cederakan-ibu-440562 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **RUMAH TERBAKAR: DUA BERADIK OKU HILANG TEMPAT BERTEDUH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282859/edisi/perak/rumah-terbakar-dua-beradik-oku-hilang-tempat-berteduh | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **PMU ADAKAN PROGRAM CSR BERSAMA WARGA EMAS MUKAH** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/06/pmu-adakan-program-csr-bersama-warga-emas-mukah | UTUSANBORNEO.COM.MY |

7/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **KES HALANG TANGKAP ANJING: BEBASKAN WARGA EMAS KALAU LAPORAN DITARIK BALIK - PEGUAM** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1161472/kes-halang-tangkap-anjing-bebaskan-warga-emas-kalau-laporan-ditarik-balik | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 WARGA EMAS MAUT KENDERAAN LANGGAR LORI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2 warga emas maut kenderaan langgar lori

**Slim River:** Dua lelaki warga emas maut apabila kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki mereka terbabit kemalangan dengan sebuah lori di Kilometer (KM) 365.8 Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) arah utara, semalam.

Dalam nahas jam 5.45 pagi, pemandu kenderaan jenis Mitsubishi Pajero itu, Lau Hock Hing, 83, dan penumpang, Pang Ah Kau, 76, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian, manakala pemandu lori membawa muatan bahan besi yang berumur 31 tahun pula selamat.

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Mohd Hasni Mohd Nasir, berkata pihak polis menerima maklumat berhubung insiden itu pada jam 6.41 pagi.

"Hasil siasatan awal di tempat kejadian mendapati pemandu lori terbabit berhenti di lorong kecemasan sebelah kiri jalan dipercayai untuk berehat.

"Tidak lama kemudian, pemandu lori itu dikejutkan oleh orang awam memaklumkan bahagian belakang lorinya telah dilanggar oleh sebuah kenderaan.

"Punca kejadian dipercayai kenderaan pacuan empat roda itu hilang kawalan lalu melanggar belakang lori terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Akibat perlanggaran itu, Mohd Hasni berkata, kenderaan pacuan empat roda berkenaan terbakar di bahagian depan.

Beliau berkata, mayat mangsa kemudian dihantar ke Hospital Slim River untuk tindakan lanjut, dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



*Kenderaan pacuan empat roda dinaiki dua lelaki melanggar lori berhenti di lorong kecemasan di Lebuh Raya Utara Selatan arah utara, pagi semalam.*

(Foto IHSAN PDRM)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3 BERADIK DITAHAN DISYAKI CEDERAKAN IBU KANDUNG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 3 beradik ditahan disyaki cederakan ibu kandung

**Seremban:** Tiga beradik lelaki ditahan semalam selepas disyaki mencederakan ibu kandungnya seperti dalam video yang tular di laman sosial beberapa hari lalu.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed, berkata ketiga-tiga mereka yang berusia 17 hingga 29 tahun itu ditahan selepas menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Port Dickson, di sini pada jam 6.30 petang.



*Tular video 'Derhaka Ibu' yang dimuat naik di sosial media.*

"Hasil semakan rekod jenayah lampau mendapati mereka tidak mempunyai rekod jenayah dan dadah, manakala ujian saringan air kencing adalah negatif. Ketiga-tiganya direman empat hari bermula hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata kes disiasat mengikut Seksyen 323 dan 427 Kanun Keseksaan.

Katanya, polis dalam proses melengkapkan kertas siasatan dengan memanggil beberapa saksi untuk membantu siasatan sebelum merujuk kepada pihak pendakwaan Negeri Sembilan untuk tindakan lanjut.

Terdahulu, tular video 'Derhaka Ibu' yang dimuat naik seorang pemilik akaun di Facebook berkaitan seorang lelaki yang melakukan kekerasan terhadap ibunya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI MAUT TERTINGGAL 10 JAM DALAM KERETA IBU DI PARKIR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi maut tertinggal 10 jam dalam kereta ibu di parkir

## Doktor sangka sudah hantar anak ke taska sebelum masuk kerja

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang bayi perempuan berusia lapan bulan maut selepas tertinggal hampir 10 jam dalam kereta ibunya dari pagi hingga petang di kawasan parkir kenderaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HTCM), Cheras, di sini, kelmarin.

Kejadian berlaku selepas ibu mangsa yang juga seorang doktor, menyangka sudah menghantar bayinya itu ke taska sebelum ke tempat kerja.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin, berkata terdahulu pegawai perubatan HTCM menerima mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri pada jam 5.53 petang.

Beliau berkata, mangsa yang juga anak bongsu daripada dua beradik kemudian disahkan meninggal dunia pada hari sama.

### Letak bayi di belakang

"Hasil siasatan awal mendapati pada jam 7.20 pagi, ibu mangsa meletakkan bayinya di tempat duduk belakang penumpang sebelah kiri dalam kereta untuk dihantar ke taska.

"Bagaimanapun, ibu mangsa terus memandu keretanya ke tempat kerja dengan anggapan mangsa sudah dihantar ke taska," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Zam Halim berkata, ibu mangsa hanya menyedari bayi itu masih dalam kereta pada petang hari sama selepas dimaklumkan suaminya bahawa mangsa tidak dihantar ke taska.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-kanak 2001, iaitu pengabaian terhadap kanak-kanak.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kejadian ini, boleh menghubungi Hotline Polis Cheras melalui talian 03-9284 5050/5051, Hotline Polis Kuala Lumpur (03-2115 9999) atau mana-mana balai polis berdekatan," katanya.

> "Ibu mangsa hanya menyedari bayi itu masih dalam kereta pada petang hari sama selepas dimaklumkan suaminya bahawa mangsa tidak dihantar ke taska"



***Zam Halim Jamaluddin***
*Ketua Polis Daerah Cheras*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GENERASI MUDA PERLU BERANI TEPIS GEJALA BULI SIBER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Generasi muda perlu berani tepis gejala buli siber



Ketua Jabatan Komunikasi, Kulliyyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdul Hamid Abu Sulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman
bhrencana@bh.com.my

**Gejala** buli berlaku dalam kehidupan manusia hari ini jelas sekali mengalami proses evolusi. Jika dulu, buli dikaitkan dengan penderaan fizikal dan mental secara bersemuka tetapi hari ini, buli turut berlaku secara maya.

Berdasarkan kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada 2020, Malaysia menduduki tempat kedua di Asia merekodkan kes tertinggi buli siber dalam kalangan belia dan remaja.

Buli siber sudah tentu berlaku melalui penggunaan teknologi komunikasi seperti teks, emel, laman web sosial dan aplikasi sembang. Ia perilaku membimbangkan berbanding buli tradisional 'serangan' boleh dilakukan secara berpanjangan dan berulang kali.

Pelakunya cenderung untuk menakutkan, memalukan atau mendatangkan kemarahan mangsa. Belia dan remaja cenderung terbabit dalam buli siber untuk mendapatkan kuasa atau populariti di kalangan rakan sebaya.

Pembuli siber akan memberi komen dalam talian secara kasar atau menyakitkan hati, menyebarkan khabar angin dan fitnah atau menyiarkan gambar memalukan sehingga mengganggu emosi mangsa. Uniknya, pelaku boleh berselindung di sebalik profil palsu di media sosial tanpa menggunakan identiti sebenar serta sukar dikesan.

Justeru, impak buli siber adalah hampir sama atau lebih buruk berbanding buli cara lama kerana ia boleh mendatangkan kesan negatif ke atas mangsa dari segi emosi, fizikal atau mental secara berterusan.

## Perlukan pemantauan ibu bapa

Kes tular sebelum ini di negara barat membabitkan bunuh diri akibat buli siber termasuklah kes Amanda Todd, Megan Meier dan Phobe Prince. Malaysia juga tidak berkecuali.

Media tempatan melaporkan seorang gadis berusia 20 tahun di Pulau Pinang bertindak menggantung diri kerana tidak tahan dibuli dalam laman media sosial.

Mangsa berkemungkinan mengalami episod buli siber secara berulang kali disebabkan tidak upaya bertindak balas dan mencegah kejadian buli siber seterusnya.

Oleh itu, masyarakat Malaysia harus bekerjasama menangani dan mencegah amalan buli siber, terutama di media sosial dan aplikasi sembang seperti WhatsApp dan Telegram. Semua pihak harus bekerjasama mewujudkan kesedaran rakyat mengenai bahaya buli siber.

Pemantauan ibu bapa amat diperlukan untuk membendung perilaku negatif ini. Perbincangan terbuka dalam kalangan masyarakat mengenai buli siber juga harus digalakkan supaya belia dan remaja lebih cakna serta berhati-hati menggunakan media sosial serta internet.

Pengguna media sosial dan internet seharusnya mengamalkan kawalan diri, beradab dan empati terhadap orang lain. Sebagai contoh, disebabkan Malaysia adalah negara berbilang budaya dan kaum, sangat penting untuk pengguna media sosial mengambil kira perbezaan kaum, etnik dan agama.

Sebagai netizen, pengguna media sosial harus mengelak mengulas isu sensitif atau melontarkan komen dalam talian secara semberono sambil berselindung di sebalik profil palsu.

Sementara itu, mangsa buli siber boleh menggunakan teknologi komunikasi dan media sosial untuk menyekat pembuli siber daripada terus mengganggu. Mangsa buli siber perlu berani tampil membuat laporan polis, mengambil gambar tangkap layar perbualan pembuli, menyekat pembuli untuk akses akaun media sosial atau aplikasi sembang.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'MAK MAAFKAN DOSAMU' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'MAK MAAFKAN DOSAMU'

***Remaja maut terbabit kemalangan selepas pulang dari makan nasi lemak di R&R***

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

**Dungun**

"Mak halalkan segala makan minum mu, mak maafkan segala dosa mu. Kau tempatkan anakku ini di syurga FirdausMu ya Allah," kata Che Meriah Che Endut, 56, ketika memeluk dan mencium jenazah anaknya yang siap dikafankan di Bilik Forensik Hospital Dungun, di sini.

Anaknya, Ahmad Osama Ramadhan Laidin, 17, maut dalam kemalangan membabitkan enam motosikal di Kilometer 333.1, Lebuh Raya Pantai Timur Dua (LPT2), tengah malam, kelmarin.

Turut terbunuh, dua rakannya Muhammad Fitri Hanif Rohami, 18, dan Muhammad Shah Run Nizam Jaafar, 20.

Che Meriah yang tinggal di Kampung Binjai Kemaman berkata, anak bongsu dari lima beradik itu adalah satu-satunya anak yang masih tinggal bersamanya.

"Adik beradiknya yang lain sudah berumah tangga manakala yang belum berkahwin tinggal berasingan dan bekerja di luar Terengganu.

"Suami saya, Laidin Rahim, 59, pula bekerja di pelantar minyak di sempadan Malaysia-Thailand dan Osama lah yang menjadi teman dan tempat saya bermanja. Kini dia sudah tiada," katanya.

> "Osama lah yang menjadi teman dan tempat saya bermanja. Kini dia sudah tiada
> Che Meriah

Katanya, anaknya meminta izin untuk pergi makan nasi lemak kegemarannya di Hentian Rawat & Rehat (R&R) Paka bersama rakannya, kira-kira jam 10 malam.

"Saya benarkan dia pergi kerana memiliki lesen. Sebelum bertolak saya pesan supaya dia cepat pulang dan berhati-hati di jalan raya.

"Sebaik terima berita menyedihkan itu, saya terus memaklumkan kepada suami, dan dia meminta proses pengebumian dilakukan segera tanpa menunggunya," katanya sambil menambah suaminya sangat akrab dan manja dengan Osama.

Namun katanya, dia tetap menunggu suami pulang untuk menatap jenazah anak sebelum dikebumikan.

Che Meriah berkata, anaknya tidak menunjukkan sebarang perbuatan pelik dan tidak menyangka kehilangan anaknya itu dengan sekelip mata.

"Bila suami kembali bekerja nanti, tinggallah saya sendirian... tiada lagi rakan akrab tempat saya bermanja.

"Apapun saya perlu reda dengan ketentuan Ilahi. Dia pergi pada hari Jumaat yang mulia dan saya berdoa anak saya mendapat rahmat dan menunggu saya di syurga nanti," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA ENGGAN LALU LOKASI KEMALANGAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



RABI'ATULTADAWIAH bersama Mohd Azlan menunjukkan gambar Lutfil dan Lidiya yang maut akibat nahas di hadapan SK Bagan Datoh, Bagan Datuk.

DUA BERADIK MAUT DEPAN SEKOLAH

# Bapa enggan lalu lokasi kemalangan

**Bagan Datuk:** "Lidiya orangnya suka bercakap dan bergurau. Terasa sangat apabila mereka sudah tiada, sunyi, kosong rumah ini.

"Saya tak mahu lalu di kawasan kemalangan itu lagi," demikian luahan Mohd Azlan Mohd Idhar, bapa kepada dua beradik yang maut dirempuh di KM45 Jalan Hutan Melintang-Bagan Datuk di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Bagan Datoh, kelmarin.

Mohd Azlan, 35, berkata ketika kejadian, dia berada di rumah mereka di Kampung Pasang Api di sini sedang bersiap-siap untuk ke tempat kerjanya di ladang kelapa sawit berdekatan pekan Bagan Datuk.

"Tiba-tiba, kenalan datang ke rumah beritahu anak-anak saya terbabit kemalangan.

"Sebaik tiba, saya terkejut tidak percaya melihat kedua-dua anak saya sudah terbaring di atas jalan, keadaan badan mereka parah penuh dengan darah.

"Saya pegang tangan anak perempuan saya, tiada lagi denyutan nadi. Anak lelaki saya celik mata, panggil saya, sebelum dia tak sedarkan diri," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi itu, mangsa, Mohd Lutfil Faiq, 15, dan adiknya, Nur Lidiya Faiqah Mohd Azlan, 13, maut akibat parah selepas motosikal Modenas Kriss dinaiki mereka dirempuh sebuah kereta Perodua Viva ketika cubaan mereka memotong di laluan bertentangan.

"Saya tak mahu lalu di jalan itu kerana terbayang apa yang terjadi. Masih ada lagi serpihan topi keledar dan motosikal yang mereka naiki kesan nahas.

"Saya bergantung harap pada anak sulung saya (Lutfil). Andai kata saya tak ada, dia yang boleh jaga adik-beradik dan ibunya, tapi tak sangka dia yang pergi dulu," katanya ketika ditemui Harian Metro di kediaman mereka di Kampung Pasang Api di sini, semalam.

Sementara itu, ibu kepada pasangan adik-beradik malang berkenaan, Rabi'atultadawiah Azman, 33, berkata dia tidak menyangka gurauan Lidiya awal pagi kelmarin menjadi kenangan terakhirnya bersama anaknya yang periang berkenaan.

Menurutnya, Lutfil dan Lidiya memang akan keluar lebih awal, sebelum dia menghantar dua lagi anaknya, Nur Liliyana Faiqah, 11, dan Mohd Lutfan Faiq, 7, ke SK Bagan Datoh.

"Ketika tiba di depan sekolah berkenaan saya lihat ada kemalangan sehingga kereta terbalik.

"Saya rasa tak sedap hati, jadi saya cepat-cepat hantar Liliyana dan Lutfan ke dalam sekolah dulu.

**Mangsa maut dirempuh Perodua Viva di laluan bertentangan**

"Sebaik saya menghampiri tempat kejadian, terlihat beg anak sulung saya.

"Tak boleh digambarkan terkejut dan sedih saya, waktu itu saya nampak Lutfil tersedak, keluar darah dari mulut dan hidungnya," katanya yang tak mampu menahan air mata.

Rabi'atultadawiah berkata, dia menangis selepas terjaga dari tidur pagi semalam kerana terlihat Lutfil memanggilnya dalam mimpi.

"Terasa sangat kehilangan bila bangun kejutkan anak-anak pagi ini, mereka berdua sudah tiada.

"Saya beritahu suami tentang mimpi itu, mungkin itu petanda Lutfil dan Lidiya rindu juga pada kami," katanya memaklumkan mereka turut menziarahi pusara mereka.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri ketika dihubungi berkata pihaknya sudah mengambil kenyataan pemandu Perodua Viva berusia 28 tahun yang terbabit dalam kemalangan itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS JURULATIH KENA DAKWA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

GANGGU KESANTUNAN 2 MURID LELAKI

# BEKAS JURULATIH KENA DAKWA

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Petaling Jaya**

Seorang bekas jurulatih *dodgeball* Selangor didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mengganggu kesantunan dua murid lelaki sebuah sekolah jenis kebangsaan di sini, akhir tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Terence Ee Soon Lee, 53, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Zhafran Rahim Hamzah.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada dua anak itu didakwa mengganggu kesantunan murid lelaki berusia 12 tahun (ketika kejadian berusia 11 tahun) dengan mencederakan kemaluan dan punggung mangsa menggunakan kayu.

Mengikut pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan perbuatan sama dengan mencederakan kemaluan seorang lagi kanak-kanak lelaki umur sama.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah dewan di sebuah sekolah jenis kebangsaan di sini, antara jam 2 hingga 2.30 petang pada November hingga Disember 2022.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, Terence didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya, Siti Maryam Jamilah Md Kamal menawarkan jaminan RM12,000 bagi kedua-dua pertuduhan berserta syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan dalam kes itu.

Namun, peguam Datuk R Thrichelvam mewakili tertuduh memohon jaminan RM6,000 bagi dua pertuduhan atas alasan anak guam penanggung tunggal keluarga serta dua anak.

"Jaminan untuk memastikan kehadiran ke mahkamah dan bukan untuk menghukum sebelum mula bicara," katanya.

Dalam prosiding ketika ditanya Majistret Zhafran apakah hubungan antara tertuduh dengan mangsa, pihak pendakwaan kemudian memaklumkan, tertuduh adalah jurulatih kepada mangsa (ketika kejadian) dan sudah ditamatkan perkhidmatan sebagai jurulatih di sekolah berkenaan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,500 bagi kedua-dua pertuduhan dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan, selain menetapkan 29 November hadapan untuk sebutan semula kes.

Sebelum ini, media melaporkan, guru besar sebuah sekolah membuat laporan polis ke atas seorang bekas jurulatih kerana dikatakan menanggalkan seluar murid, mencubit puting dada murid lelaki dan menyuruh murid perempuan merangkak di celah kangkang.

Laporan polis dibuat pada 26 Jun lalu, antara lain turut mendakwa jurulatih terbabit bertindak mengacah untuk menjatuhkan kayu di atas bahagian kemaluan murid lelaki.

Presiden Persatuan *Dodgeball* Malaysia (MAD), Datuk N Radhakrishnan dilaporkan berkata, pihaknya menerima aduan daripada Biro Kokurikulum Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.



TERENCE di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA WARGA EMAS TEMUI AJAL PAJERO REMPUH TRELER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dua warga emas temui ajal Pajero rempuh treler

**Ipoh:** Dua warga emas maut apabila kereta pacuan empat roda yang mereka naiki melanggar sebuah treler di Kilometer 365 Lebuhraya Utara Selatan arah utara dekat Slim River, awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak Sabarodzi Nor Ahmad berkata dalam kejadian pada 5.45 pagi itu, mangsa lelaki berusia 83 dan 76 tahun yang merupakan pemandu dan penumpang Mitsubishi Pajero itu tersepit dan meninggal dunia di tempat kejadian.

"Kenderaan Pajero melanggar bahagian belakang lori treler menyebabkan dua mangsa di dalamnya tersepit dan disahkan maut di tempat kejadian," katanya.

Pemandu treler, 31 tahun bagaimanapun tidak mengalami sebarang kecederaan.

Pasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Slim River telah mengeluarkan kedua-dua mangsa menggunakan peralatan *power unit* serta *rescue tool* dan mayat diserahkan kepada pihak Polis untuk tindakan lanjut.

*"Kenderaan Pajero melanggar bahagian belakang lori treler menyebabkan dua mangsa di dalamnya tersepit"*

**Sabarodzi**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LARANG ATLET GIMNASTIK, GIMRAMA WANITA MUSLIM BERAKSI DI SUKMA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

PEMAKAIAN PATUH SYARIAH TERENGGANU

# Larang atlet gimnastik, gimrama wanita Muslim beraksi di Sukma

**Kuala Terengganu:** Hanya atlet gimnastik dan gimrama wanita beragama Islam sahaja yang tidak dibenarkan menyertai sebarang kejohanan termasuk Sukan Malaysia (Sukma) 2024 susulan pelaksanaan garis panduan pemakaian sukan patuh syariah di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Terengganu, Hishamuddin Abdul Karim berkata, garis panduan itu tidak membabitkan atlet bukan beragama Islam.

"Jika ada dalam kalangan atlet gimnastik dan gimrama wanita bukan beragama Islam yang mampu bersaing di Sukma 2024, persatuan terbabit boleh memohon untuk menghantar peserta.

"Kita tidak ada masalah, malah tidak pernah menyekat atau menghalang mana-mana atlet gimnastik dan gimrama wanita bukan beragama Islam negeri ini menyertai temasya tahunan itu," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab dakwaan sesetengah pihak yang mempersoalkan tindakan kerajaan Terengganu berhubung garis panduan pakaian tidak patuh syariah kepada atlet wanita negeri ini.

Terdahulu, media melaporkan Hishamuddin menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sura, Dr Tengku Muhammad Fakhruddin Tengku Md Fauzi mengenai standard pemakaian menutup aurat yang ditetapkan kerajaan negeri pada setiap acara sukan dan program dianjurkan NGO pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu kali Ke-15, baru-baru ini.

> "Saya harap isu ini tak perlu diperbesarkan"
> Hishamuddin

Mengulas lanjut, Hishamuddin yang juga Adun Tepuh berkata pihaknya juga mahu memastikan atlet gimnastik dan gimrama wanita bukan beragama Islam yang betul-betul berbakat diberi keutamaan.

Katanya, pihaknya tidak mahu hanya menghantar atlet yang sekadar pelengkap penyertaan semata-mata dan biarlah mampu meraih pingat buat negeri Terengganu.

"Jadi, saya harap isu ini tak perlu diperbesarkan kerana garis panduan pemakaian sukan patuh syariah hanya tertakluk kepada atlet Islam dan tidak membabitkan atlet bukan beragama Islam di Terengganu," katanya.



HISHAMUDDIN (tengah) pada sidang media sempena prapelancaran International Golden Monsoon Ride 2023 di KTCC Mall, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DITAHAN TERBABIT KES PUKUL SEPASANG KEKASIH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki ditahan terbabit kes pukul sepasang kekasih

**Georgetown:** Seorang lelaki ditahan kerana disyaki terbabit dalam kejadian kes pukul sepasang kekasih di sini, baru-baru ini.

Video kejadian itu dipercayai dirakam seorang wanita dipercayai ibu kepada pasangan kekasih berkenaan dan turut tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, kejadian itu berlaku pada 1 Oktober lalu sebelum tular di media sosial pada 5 Oktober.

Katanya, siasatan mendapati kejadian berlaku jam 6 pagi di kawasan Bandar Baru, Georgetown.

"Pergaduhan berpunca daripada selisih faham dan pertengkaran mulut sehingga menyebabkan pergaduhan.

"Pada jam 11.45 pagi hari yang sama, polis menahan seorang lelaki berusia 28 tahun di kawasan Jalan Patani, kerana disyaki terbabit dengan kes berkenaan," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut Soffian berkata, suspek mempunyai empat rekod jenayah manakala ujian saringan air kencing didapati negatif daripada pengambilan bahan terlarang.

Katanya, suspek sudah direman selama tiga hari sehingga 4 Oktober lalu bagi membantu siasatan.

"Suspek bersama seorang lagi lelaki tempatan dituduh di Mahkamah Majistret mengikut Seksyen 160 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan gaduh gempar.

"Seorang daripada mereka turut dituduh mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan," katanya lagi.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihati supaya tidak menularkan rakaman video itu bagi mengelak sebarang spekulasi.

**"Pergaduhan berpunca daripada selisih faham dan pertengkaran mulut sehingga menyebabkan pergaduhan"**



SOFFIAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAKAN PERCUMA 12 KALI SEHARI! | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

WARGA EMAS RELA JADI GELANDANGAN DI PULAU PINANG

# MAKAN PERCUMA 12 KALI SEHARI!

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my



GELANDANGAN bertumpu di Jalan Masjid Kapitan Keling, Jalan Penang dan stesen bas Komtar.

**Georgetown**

Seorang wanita warga emas berusia 70-an dari Johor rela menjadi gelandangan di Pulau Pinang kerana sering mendapat makanan percuma kadangkala sehingga 12 kali sehari.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Zakaria Taib berkata wanita yang 'berumah' di kaki lima Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) itu mendakwa dia baru tiba di negeri ini beberapa hari lalu untuk bertemu anaknya.

"Kita dapati memang banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu persendirian bermurah hati mengedar makanan untuk golongan itu di sekitar bandar ini jadi mereka tidak bimbang kelaparan walaupun tiada tempat tinggal tetap.

"Namun, masalah timbul apabila ia akhirnya dibuang merata-rata, mungkin kerana ia tidak menepati selera atau mereka menerima terlalu banyak makanan," katanya selepas Op Gelandangan di sini, semalam.

Zakaria berkata, pihaknya menyarankan bantuan makanan disalurkan terus kepada Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan Magazine di sini atau diedarkan kepada pusat atau rumah kebajikan yang misalnya dihuni anak-anak yatim, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Beliau berpendapat langkah itu perlu bagi mengelak pembaziran sumber sekali gus memastikan sebarang sumbangan dapat diagihkan secara berfokus pada masa sama membantu membanteras aktiviti mengemis yang dikhuatiri didalangi sindiket.

Terdahulu, dalam operasi bersepadu oleh JKM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya menyelamatkan 21 gelandangan terdiri daripada 15 lelaki, lima wanita dan seorang kanak-kanak.



Sementara itu Exco Pembangunan Sosial dan Kebajikan negeri, Lim Siew Khim, berkata seramai 212 gelandangan diselamatkan di seluruh Pulau Pinang sejak Januari lalu hingga semalam.

"Ada yang sanggup datang dari Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak selain dari negeri berdekatan seperti Kedah, Perak dan Perlis dengan pelbagai alasan.

"Mereka ini bertumpu di Jalan Masjid Kapitan Keling, Jalan Penang, stesen bas Komtar dan ada yang sanggup tidur di lorong-lorong gelap yang dikhuatiri mendedahkan mereka kepada bahaya persekitaran," katanya.



LIM (kanan) mengiringi gelandangan yang diselamatkan.





ANTARA gelandangan yang 'menginap' di sekitar kawasan Komtar.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAFI CEDERAKN ISTERI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SHAHMOONZHIR dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Ayer Keroh.

# Nafi cederakan isteri

**Melaka:** Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, semalam atas pertuduhan sengaja mencederakan isterinya pada tengah malam Ahad lalu.

Shahmoonzhir Mohd Nazim, 32, dari Bukit Lintang di sini, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nabilah Nizam.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap Nor Asikin Mohd Tap, 30, di sebuah rumah di Batu 6, Solok Balik Bukit, Bukit Lintang pada jam 12 tengah malam 1 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326 kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan kes dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Fiqri Hakim Zamri, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Fiqri Hakim mencadangkan wang jaminan RM10,000 dan syarat tambahan dilarang mengganggu isterinya dan saksi pendakwaan.

Tertuduh memohon jaminan dikurangkan kerana perlu menanggung anak yang masih kecil.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 8 November depan untuk sebutan lantikan peguam dan serahan dokumen.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PONTENG SEKOLAH UNTUK BEKERJA! | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



CHE Norhayati menyerahkan wang zakat kepada Ramli yang diserang strok ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pak Badol.

# PONTENG SEKOLAH UNTUK BEKERJA!

## *Lelaki terlantar hanya harap ihsan anak urus hidup*

**Oleh Siti Rohana Idris**
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Seorang bapa tunggal dari Kampung Pak Badol di sini, bergantung sepenuhnya kepada lima anak untuk menguruskan rutin harian.

Ia disebabkan Ramli Ibrahim, 58, terlantar di katil selepas serangan angin ahmar sejak tujuh tahun lalu dan situasi semakin mendesak apabila ditinggalkan isteri dua tahun selepas itu.

Ramli berkata, sejak itu dia perlu berharapkan semua anaknya yang berusia tujuh hingga 19 tahun untuk memberi makan dan membersihkan diri.

"Anak sulung ibarat ketua keluarga kerana dia menyara kami dengan bekerja sebagai tukang rumah manakala anak kedua (perempuan), uruskan rumah tangga termasuk memasak.

"Anak ketiga, Mohd Razman, 16, masih bersekolah, tapi kerap ponteng kerana bekerja menggaul simen dan pendapatannya yang tidak seberapa itu menampung kehidupan kami," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Ramli berkata, dua lagi anak yang berusia tujuh serta 11 tahun masih bersekolah dan nasib mereka baik kerana menerima bantuan RM450 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah skim Bantuan Kanak-kanak.

Katanya, kadang kala dia simpati dengan nasib anak yang perlu menanggung bapa sedangkan tanggungjawab itu terletak di bahunya.

> **"Anak sulung ibarat ketua keluarga kerana dia sara kami dengan bekerja sebagai tukang rumah"**
> Ramli

"Setiap hari saya berdoa kembali pulih, tapi mengenangkan banyak anggota badan tidak dapat digerakkan, rasanya ia mustahil.

"Pada awal diserang angin ahmar dahulu, beberapa kali saya dibawa berurut, tapi memandangkan kosnya mahal, saya berhenti kerana lebih memerlukan wang untuk kegunaan harian.

"Lampin pakai buang juga perlu berjimat dan saya hanya pakai untuk buang air besar manakala untuk air kecil hanya ditadah plastik," katanya.

Terdahulu mereka menerima kunjungan badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili pengerusinya, Che Norhayati Mohamed yang tampil memberi sumbangan makanan dan wang zakat.

Che Norhayati berkata, pihaknya berusaha mendapatkan katil khas serta tilam udara untuk kegunaan Ramli dan dijangka diperoleh dalam masa terdekat.

Bagi yang ingin membantu, boleh menghubungi anak sulung Ramli iaitu Mohd Raihan di talian 0173936039.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SANGKA ANAK DI TASKA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SANGKA ANAK DI TASKA

## *Anak doktor berusia 8 bulan ditemui meninggal dunia tertinggal di dalam kereta*

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Menyangkakan bayi kecilnya sudah dihantar terlebih dahulu ke pusat asuhan menjadi punca mangsa berusia lapan bulan ditemui mati di dalam kereta oleh ibunya yang juga seorang doktor.

Difahamkan mangsa ditemui tidak sedarkan diri di dalam kereta di kawasan parkir Hospital Canselor Tunku Muhriz (HCTM), Cheras di sini, kelmarin.

> *Ibu mangsa terus memandu keretanya ke tempat kerja dengan beranggapan mangsa sudah dihantar ke pusat asuhan"*
>
> Zam Halim

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, pada jam 5.53 petang kelmarin, pegawai perubatan HCTM, Cheras menerima seorang bayi perempuan berusia lapan bulan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Menurutnya, mangsa bagaimanapun disahkan meninggal dunia pada hari yang sama.

"Hasil siasatan awal polis mendapati, ibu mangsa meletakkan bayi itu di bahagian tempat duduk belakang penumpang sebelah kiri untuk dihantar ke pusat asuhan pada jam 7.20 pagi.

"Bagaimanapun, ibu mangsa terus memandu keretanya ke tempat kerja dengan beranggapan mangsa sudah dihantar ke pusat asuhan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Zam berkata, ibu mangsa hanya menyedari mangsa masih berada dalam keretanya pada petang hari yang sama selepas dimaklumkan suami bahawa mangsa tidak dihantar ke pusat asuhan.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu pengabaian terhadap kanak-kanak.

"Sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung kejadian ini, orang ramai boleh menghubungi *Hotline* Polis Cheras di talian 03-9284 5050/ 5051, *Hotline* Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999 atau mana-mana balai polis yang berdekatan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI ISTERI GAGAL SELUDUP 4KG SYABU | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**JASMIN (dua dari kiri) menunjukkan dadah jenis syabu yang dirampas daripada pasangan suami isteri di Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama, Tawau. - Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING**

# Suami isteri gagal seludup 4kg syabu

**Tawau:** Taktik suami isteri menyeludup keluar lebih empat kilogram dadah jenis syabu yang disorok di dalam tong plastik gagal mengaburi mata pihak berkuasa apabila ditahan polis di sini, pada Khamis.

Dalam kejadian jam 8.50 pagi, kedua-dua suspek warga Indonesia, masing-masing berusia 22 dan 21 tahun dipercayai dalam perjalanan pulang ke kampung halaman secara haram melalui Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama di sini.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, mereka ditangkap anggota daripada Balai Polis Tawau dan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) ketika membuat penugasan rutin di jeti berkenaan.

Menurutnya, ketika ditahan pasangan suami isteri itu membawa satu tong berwarna biru yang didalamnya ada beberapa pakaian serta satu kotak warna hijau bertulis *Hiroyuki Gasoline Chain Saw*.

"Pemeriksaan lanjut di dalam kotak itu menemui tiga bungkusan plastik warna hijau bertulis Guanyinwang berisi bahan hablur jernih mampat disyaki dadah syabu.

"Selain itu, satu lagi kotak kecil turut ditemui mengandungi satu bungkusan plastik warna emas bertulis 'Guanyinwang' berisi bahan disyaki dadah jenis sama (syabu)," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Jasmin berkata, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek bekerja dalam sektor perladangan di Lahad Datu, selain tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri sah.

Katanya, jumlah berat bagi kesemua empat bungkusan syabu terbabit adalah 4,091 gram dengan nilai keseluruhan berjumlah RM240,000.

"Siasatan lanjut masih dijalankan termasuk mengesan rangkaian kegiatan pengedaran atau sindiket yang terbabit.

"Kedua-dua suspek direman tujuh hari sehingga 12 Oktober dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen 1957/63," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA SAHABAT 'PERGI' SERENTAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



KEADAAN motosikal salah seorang mangsa yang terbabit nahas di Kilometer 333.1, LPT2 arah Kuantan yang membabitkan enam motosikal dan tiga maut.



MUHAMMAD Fitri Hanif



MUHAMMAD Shah Run Nizam



AHMAD Osama Ramadhan

# Tiga sahabat 'pergi' serentak

**Dungun:** Perjalanan pulang tiga sahabat selepas menikmati nasi lemak berakhir tragedi apabila mereka maut dalam kemalangan membabitkan enam motosikal di Kilometer 333.1, Lebuh Raya Pantai Timur Dua (LPT2), arah Kuantan dekat susur keluar Paka, semalam.

Dalam kemalangan kira-kira 12 tengah malam itu, mangsa Muhammad Fitri Hanif Rohami, 18; Muhammad Shah Run Nizam Jaafar, 20, dan Ahmad Osama Ramadhan Laidin, 17, maut di tempat kejadian akibat kecederaan pada bahagian kepala dan badan.

Muhammad Fitri Hanif dan Ahmad Osama Ramadhan masing-masing menunggang motosikal jenis RXZ sementara Muhammad Shah Run Nizam menunggang motosikal Yamaha 135LC.

Tiga lagi penunggang motosikal yang terbabit iaitu Muhammad Afiq Kamal, 19, parah pada bahagian kaki kanan; Muhammad Firzani Hilman Ariffadhillah, 20, cedera di bahagian belakang, kaki dan tangan dan Muhammad Haziq Haikal Ismail, 17, cedera ringan.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Maizura Abdul Kadir berkata, kejadian dipercayai berlaku apabila motosikal ditunggang Muhammad Firzani dari arah Paka ke Kemaman dilanggar sebuah lagi motosikal di bahagian belakang menyebabkan motosikalnya terbalik di atas jalan.

Katanya, pada masa sama, sekumpulan pemuda bermotosikal datang dari arah belakang cuba mengelak sebelum berlanggar di antara satu sama lain.

"Akibatnya, ketiga-tiga motosikal ditunggang mangsa merempuh pembahagi lebuh raya menyebabkan mereka tercampak di atas jalan.

"Semua mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di bahagian kepala, badan dan kaki," katanya.

Katanya, ketika kejadian semua mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah di Kemaman sekembali daripada menikmati nasi lemak di Hentian Rawat dan Rehat (R&R) Paka.

"Semua mayat mangsa dibawa ke Bilik Forensik Hospital Dungun untuk bedah siasat manakala mangsa yang cedera dihantar ke hospital yang sama untuk rawatan lanjut," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TINGGALKAN BAYI SEBELUM 'GHAIB' | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## JKM KERIAN CARI IBU ATAU WARIS BAYI TIGA BULAN

# Tinggalkan bayi sebelum 'ghaib'

**Bagan Serai:** Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kerian mengesan ibu atau waris seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga bulan yang ditinggalkan dalam jagaan seorang wanita pada 28 Ogos lalu di Tanjung Piandang.

Pegawai Pelindung JKM Kerian, Nurul Anis Mohd Amin berkata, dalam kejadian yang berlaku jam sekitar jam 5 pagi, seorang wanita berusia 20 hingga 30-an datang ke sebuah rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tanjung Piandang yang didiami seorang wanita berusia 58 tahun bersama suaminya.

Menurutnya, ketika kejadian pengadu berada di luar rumah untuk membuka paip air dan datang seorang wanita muda memintanya mendukung bayinya bersama sebuah beg pakaian.

"Selepas menyerahkan bayi dan beg pakaian, wanita terbabit mengatakan mahu mengambil barangan lain untuk diberikan pada pengadu, namun dia terus menghilangkan diri dengan menaiki sebuah kereta.

"Susulan kejadian itu, bayi berkenaan dijaga pengadu sebelum diserahkan pada JKM pada 14 September lalu dan satu laporan polis sudah dibuat olrh pengadu," katanya di pejabat JKM Kerian.

Orang awam yang mempunyai maklumat mengenai kejadian diminta tampil bekerjasama dan boleh menghubungi pihak JKM di talian 05-721 2645.

**"Selepas menyerahkan bayi dan beg pakaian, wanita terbabit mengatakan mahu mengambil barangan lain untuk diberikan pada pengadu, namun dia terus menghilangkan diri dengan menaiki sebuah keretai"**



NURUL Anis menunjukkan gambar bayi perempuan yang ditinggalkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY LEFT IN CAR FOR 10 HOURS DIES | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DOCTOR PARENT

# BABY LEFT IN CAR FOR 10 HOURS DIES

## Mum leaves child at hospital parking lot, thinking she was already sent to daycare

**KUALA LUMPUR**

AN 8-month-old baby girl died when she was left in a car parked at the Canselor Tuanku Muhriz Hospital (HCTM) in Cheras for 10 hours yesterday.

The girl was mistakenly left in the vehicle when her doctor mother went to work at HCTM thinking that she had already sent the child to a daycare centre.

Cheras police chief Assistant Commissioner Zam Halim Jamaluddin said the baby was found and brought in to HCTM unconscious at 5.35pm before being declared dead.

"Based on initial investigations, the victim's mother had at 7.20am (on Thursday) placed the child in the rear passenger seat, on the left hand side, to send her to the daycare centre.

"However, the mother drove straight to the hospital, somehow thinking that she had already sent the child to the centre," he said in a statement.

Zam Halim said the mother only realised that the baby was still in the vehicle in the evening when her husband called to inform her that the child was not at the daycare centre.

"The case has been classified as a sudden death report, but further investigations are being carried out under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001 for negligence.

"Anyone with information on the case should contact the Cheras police hotline at 03-92845050/5051, the Kuala Lumpur police hotline (03-21159999) or the nearest police station," he added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EX-DODGEBALL COACH CHARGED WITH OUTRAGING STUDENTS' MODESTY | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

2022 SCHOOL INCIDENT

# Ex-dodgeball coach charged with outraging students' modesty

**KUALA LUMPUR:** A former primary school dodgeball coach was charged with two counts of outraging the modesty of his students by flicking the genitals of a male student last year.

Terence Eee Soon Lee, 53, pleaded not guilty to the charges read before Petaling Jaya magistrate Zhafran Rahim Hamzah yesterday.

Eee is accused of outraging the modesty of a 12-year-old male student by flicking the victim's genitals and poking his buttocks with a stick.

The accused is also alleged to have committed a similar act on another male student.

Eee was accused of committing the offence at the school hall between 2pm and 2.30pm sometime between November and December last year.

The offence falls under Section 509 of the Penal Code, which carries a maximum imprisonment of five years or a fine, or both, upon conviction.

Deputy public prosecutor Siti Maryam Jamilah Md Kamal asked the court to impose a RM12,000 bail.

However, lawyer Datuk R. Thrichelvam who appeared for the accused, pleaded for minimum bail of RM6,000.

"My client is the sole breadwinner of his family.

"Bail is only to ensure attendance in court and not to punish the accused."

The court set bail at RM3,500 for all charges and fixed Nov 29 for mention.

Malaysian Dodgeball Association president Datuk V. Radhakrishnan previously said that he had received a complaint from the school's Parent-Teacher Association co-curriculum bureau, and that a meeting with Youth and Sports Minister Hannah Yeoh would be held to discuss the implementation of a detailed safe sports code.

The matter has also caught the attention of Yeoh, who said the Education Ministry was also conducting its investigation into the case.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TWO KILLED IN ROAD ACCIDENT NEAR SLIM RIVER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SENIOR CITIZENS

# Two killed in road accident near Slim River

**IPOH:** Two elderly men were killed in a road crash involving two vehicles at Km365 of the North-South Expressway northbound near Slim River yesterday.

Perak Fire and Rescue Department operations division assistant director Sabarodzi Nor Ahmad said the 5.45am incident involved a Mitsubishi Pajero and a trailer lorry.

On arrival at the scene, firemen found the two victims, aged 83 and 76, trapped in the Pajero.

"The victims were pronounced dead at the scene," he said, adding that the trailer driver, aged 31, escaped unhurt.

Sabarodzi said firemen extricated the two bodies from the wrecked vehicle before handing them over to the police. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 20 YEARS JAIL TERM FOR MAN WHO KILLED NIECE STAYS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 20-year jail term for man who killed niece stays

**PUTRAJAYA:** The Court of Appeal has affirmed the 20-year jail sentence on an unemployed man for causing the death of his three-year-old niece who had 56 stab wounds on her body.

According to the facts of the case, Goh Jie Keat was cutting a plastic package with a pair of scissors when his niece persistently teased him and asked him to play with her. He could not bear the teasing and stabbed the child.

Goh committed the offence five years ago when he was 21 years old.

A three-member panel comprising Justices Vazeer Alam Mydin Meera, Ahmad Zaidi Ibrahim and SM Komathy Suppiah dismissed Goh's appeal for a reduction of his jail sentence, Bernama reported.

Justice Vazeer, who delivered the court's decision, said the sentence was not manifestly excessive considering the manner in which Goh had caused the girl's death.

He said Goh's appeal did not have merit, adding that the High Court judge had applied the correct principle of sentencing when imposing the 20 years' jail term.

Goh, 27, was initially charged with the murder of Serena Yip Pei Yee at a house in Jalan Kuang Gunung 4, Taman Kepong in Kuala Lumpur, between 7pm and 8pm on June 18, 2018.

After 11 prosecution witnesses testified, Goh submitted representation to the Attorney General's Chambers and his representation was accepted for the murder charge to be reduced to culpable homicide not amounting to murder.

On July 13, 2021, the High Court sentenced Goh to 20 years' jail after he pleaded guilty to culpable homicide not amounting to murder.

He, however, appealed to the Court of Appeal for a lower jail term.

Lawyer N. Subramaniyan from the National Legal Aid Foundation asked the court to impose the jail sentence of between 12 and 15 years, saying it was not a premeditated act but happened on the spur of the moment.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BLIND THERAPISTS PLEAD FOR HELP | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Blind therapists plead for help

## Community wants own licence as Kedah begins ban on massage parlours

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** The blind therapist community is calling for a separate licence for them so that they won't be affected by the ban on renewals of permits for massage parlours in Kedah.

National Council for the Blind Malaysia consultant Moses Choo said while there are not that many blind masseurs in Kedah, the ban will affect their livelihood.

"From my knowledge, there are around 20 or more of them, and they have built their clientele there.

"Relocating would mean starting all over again, which is difficult for them.

"I believe they (the authorities) should provide them with a special licence and not under the same category as regular massage parlours.

"There is currently no proper licence for blind masseurs," he said.

Choo added that there were now some 3,000 to 4,000 blind therapists in Malaysia.

"The population is quite big, with the majority of them in Kuala Lumpur.

"They operate differently and usually are quite strict when it comes to carrying out their tasks," he said.



**Making an honest living:** Zakaria and his staff massaging patrons of his massage parlour in Alor Setar, Kedah.

Zakaria Hanafiah, 49, who runs a massage parlour in Alor Setar, said he was only issued a temporary licence by the authorities to operate.

"There have been no issues so far, but now I am worried.

"The thought of having to shut down or not being able to get a licence renewed is worrying," he added.

Zakaria said there were 10 blind masseurs in his shop, and they are all skilled operators who have been trained.

"There is also another shop operated by blind therapists in Alor Setar and a few more in Sungai Petani," he said.

St Nicholas' Home Penang general manager Carmen Chew said massage skills are among the types of vocational training provided to the blind and visually impaired at the centre.

"We do have some visually impaired masseurs working at massage centres in Kedah.

"We hope that the enforcement in Kedah can show leniency towards blind therapists as this is their opportunity to earn a living," she said.

Chew said the home here offers massage courses certified by Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) to the visually impaired in Malaysia.

"They are required to undergo 18 months of massage training.

"We encourage them to undertake their internship in our wellness centre for a year to gain other soft skills such as communications, customer service, time management, and marketing.

"After the internship, we encourage them to get a job at massage centres in Penang or at their hometowns, empowering them to earn a living and be independent," she added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DODGEBALL COACH CHARGED WITH MOLESTING TWO MINORS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dodgeball coach charged with molesting two minors

**PETALING JAYA:** A former dodgeball coach has pleaded not guilty at the Magistrate's Court to two charges of outraging the modesty of two male pupils last year.

The 53-year-old was charged with molesting two children aged 11 during the incident at a primary school in Damansara, near here, between 2pm and 2.30pm in November and December 2022.

Both the charges were framed under Section 509 of the Penal Code, which provides for a maximum of five years in prison or a fine or both, if found guilty.

Deputy public prosecutor Siti Maryam Jamilah Md Kamal offered bail at RM12,000 for both charges with the additional condition that the accused is not allowed to harass the victims or prosecution witnesses.

Counsel Datuk Thrichelvam Rasiah, who represented the accused, sought bail at RM6,000.

He said his client did not have enough money to put up bail after being called by the prosecution at short notice.

"The accused has been terminated from his service as a dodgeball coach in the school. He is also the sole breadwinner and has to take care of two young children," he said, according to Bernama.

Magistrate Zhafran Rahim Hamzah allowed the accused bail at RM3,500 for both charges with the additional condition sought by the prosecution and set Nov 29 for next mention of the case.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FIVE DIE IN HIGHWAY ACCIDENTS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Five die in highway accidents

## Two seniors and three young m-cyclists killed on NSE and LPT2

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** Five people, including two senior citizens, were killed in two fatal crashes along the country's highways.

Lau Hock Hing @ Lau Foo Hin, 83, from Ampang, Selangor, and his passenger Pang Ah Kau @ Pang Ko Yung, 76, from the Jalan San Peng flats in Kuala Lumpur, died on the spot after he lost control of the four-wheel drive (4WD) he was driving, crashing it into the back of a trailer.

The incident occurred at around 5.45am at KM366 northbound of the North-South Expressway (NSE) near Slim River yesterday.

Muallim OCPD Supt Mohd Hasni Mohd Nasir said the victims' bodies were sent to Hospital Slim River for a post-mortem.

"We believe the cause of the accident is that the 4WD had lost control before it slammed into the back of the trailer, which had stopped on the emergency lane," he said in a statement.



**Freak accident:** Two elderly men were killed after the 4WD they were in crashed into the back of a trailer at KM366 northbound of the NSE near Slim River, Perak. — Courtesy of Muallim police

"The driver of the trailer, who was unharmed, is believed to have stopped by the side of the road to rest.

"The driver was shocked when informed by members of the public that the 4WD had crashed into the back of his trailer," he said, adding that the front part of the vehicle had also caught fire after crashing into the trailer.

Officer-in-charge of the Perak Fire and Rescue Department operations centre Faiezaruddin Mohd Yusop said the victims were found trapped in the wrecked vehicle.

In DUNGUN, Terengganu, three motorcyclists were killed while three others sustained injuries in a major accident involving six motorcycles at KM333.1 of the East Coast Highway 2 (LPT2) heading towards Kuantan near the Paka exit early yesterday morning.

OCPD Supt Maizura Abdul Kadir said the deceased were Muhammad Shah Run Nizam Jaafar, 20, Muhammad Fitri Hanif Rohami, 18, and Ahmad Osama Ramadhan Laidin, 20.

All of them succumbed to severe head and body injuries at the scene.

The three injured motorcyclists were Muhammad Firzani Hilman Ariffadhillah, 20, Muhammad Haziq Haikal Ismail, 17, and Muhammad Afiq Kamal, 19, who suffered severe injuries to his right leg.

Supt Maizura said the incident was believed to have occurred when the motorcycle ridden by Muhammad Firzani was hit from behind by another motorcycle while travelling from Paka to Kemaman, causing the victim to overturn on the road.

"A group of motorcycles coming from behind is believed to have initially attempted to avoid each other but failed, resulting in the collision. The impact caused three of the motorcycles to crash into the road divider, and the victims were thrown onto the road," Supt Maizura told Bernama.

It is believed that all those involved were heading home to Kemaman after enjoying nasi lemak at the Paka rest and recreation area, she said, adding that the bodies of the victims were sent to Hospital Dungun forensic unit while the injured were also taken to the same hospital for treatment.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SYNDICATE BUSTED, TEEN AMONG SEVEN NABBED | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 07 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Syndicate busted, teen among seven nabbed

**KUALA LUMPUR:** An online gambling and scam syndicate has been busted with the arrest of seven males, including a 14-year-old boy, from two condominium units in Salak Selatan here.

Cheras district police chief Asst Comm Zam Halim Jamaludin said the residences served as call centres for the syndicate's operations, which raked in about RM13mil a month.

A team from the Cheras commercial crime investigation division raided the place at 1pm on Thursday and arrested the suspects, he said in a statement yesterday, Bernama reported.

"Police also seized equipment – four monitors, eight CPU units, 18 cellphones and three modems – believed to have been used for online cheating activities.

"Preliminary investigations show that the syndicate also used the premises for promoting online gambling which targeted Malaysians and foreigners," he added.

ACP Zam Halim said the suspects, aged between 14 and 40, had been remanded for four days until Oct 9.